

04 AUG 2003

Selat Inggeris-Hadiah

HADIAH UNTUK PM, KATA ABDUL MALIK

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (England), 4 Ogos (Bernama) -- Perenang maraton negara Abdul Malik Mydin menghadihkan kejayaannya merentasi Selat Inggeris kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kejayaan ini adalah untuk Datuk Seri (Dr Mahathir) dan saya anggap ia sebagai hadiah paling istimewa sebelum beliau bersara...Datuk Seri (Dr Mahathir) telah banyak mendorong saya untuk berjaya malah kata-kata semangat yang beliau berikan itu telah membantu saya untuk merealisasikan impian seluruh rakyat Malaysia ini," kata Abdul Malik kepada pemberita di sini hari ini.

"Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Datuk Seri (Dr Mahathir) dan timbalannya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan juga Menteri Belia dan Sukan (Datuk Hishammuddin Tun Hussein), dan paling utama kepada semua rakyat Malaysia yang telah banyak mendoakan kejayaan ini," katanya.

Menurut Abdul Malik, kejayaannya merentasi Selat Inggeris itu adalah kejayaan seluruh rakyat Malaysia dan beliau hanya mewakili mereka untuk menyempurnakannya.

Perenang berumur 28 tahun itu berjaya menakluki Selat Inggeris tepat pukul 3 pagi waktu Malaysia setelah berenang sejauh 58km dalam masa 17 jam 35 minit.

Menurutnya, jarak tersebut adalah lebih jauh daripada jarak sebenar memandangkan beliau terpaksa berenang menentang arus sehingga terkandas selama empat jam ketika renangan berbaki 5km lagi untuk ditamatkan.

Abdul Malik sepatutnya menamatkan renangannya di Cap Gris Nez, Calais tetapi setelah dihanyutkan oleh arus deras, beliau terpaksa mendarat di pantai Wissant kira-kira 5km dari Cap Gris Nez, dan keadaan itu telah memanjangkan jarak renangannya, melebihi jarak asal iaitu 32.8km.

Abdul Malik berkata sekiranya tidak terkandas di kawasan yang berarus kuat itu, beliau percaya renangannya dapat ditamatkan dalam masa yang lebih pantas.

"Walau bagaimanapun, saya telah berjaya menyempurnakannya setelah berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang renangan itu," katanya.

"Penantian selama dua minggu untuk melakukan renangan itu tidak sia-sia dan saya cukup berbangga apabila dapat merealisasikannya," kata perenang dari Pulau Pinang itu.

Ditanya mengenai perasaannya sepanjang misi tersebut, Abdul Malik berkata ia merupakan cabaran yang tidak pernah beliau tempuhi dalam hidupnya.

"Sebaik turun ke bot pengemudi menuju ke garisan permulaan di Abbott Cliff, saya mula terasa mabuk dan menyedari keadaan tersebut saya meminta pengemudi supaya memulakan renangan saya lebih cepat sebaik tiba di Abbott Cliff."

"Setelah berada di dalam air segala-galanya berubah dan tumpuan saya lebih difokuskan kepada renangan."

"Saya telah berenang dengan baik sehingga memasuki landasan perkapalan kedua di mana saya mula terasa letih. Menyedari keadaan saya, rakan saya dari Amerika Syarikat terjun dari bot untuk mengiringi saya dan kehadiran beliau (yang saya kenali namanya hanya Matt) telah membangkitkan semula tenaga saya untuk meneruskan renangan," katanya.

Selepas itu katanya, beliau mendapat semula rentak renangannya sehinggalah memasuki zon terakhir yang menyaksikan beliau berdepan dengan

arus deras.

Abdul Malik berkata semangatnya betul-betul teruji semasa terperangkap di kawasan arus deras itu dan melahirkan rasa syukur kerana berupaya mengatasinya.

"Walaupun mula terasa keletihannya, tetapi keputusan untuk berhenti tidak ada sama sekali dan saya tetap berpegang kepada janji saya kepada Datuk Hishammuddin bahawa walaupun betapa perit cabaran yang bakal saya hadapi saya akan teruskan juga walaupun berdepan dengan maut," katanya.

"Saya tidak akan mengalah dan akan melakukannya dalam keadaan hidup ataupun mati, dan inilah janji saya sebelum memulakan cabaran ini dan kata-kata semangat Perdana Menteri yang mengikuti renangan itu melalui panggilan telefon juga telah membakar semangat saya," kata Abdul Malik.

Menurutnya, berkat doa dan kesabaran semua pihak, tuhan telah membantu beliau menyempurnakan misinya.

Kejayaan tersebut telah menjadikan Abdul Malik sebagai rakyat Malaysia dan Asia Tenggara pertama menakluki selat itu, dan ia akan terus terpahat sebagai sejarah baru dalam aktiviti luar biasa yang dilakukan oleh anak Malaysia.

Beliau adalah perenang Asia keempat yang melakukannya selepas perenang China, Korea Selatan dan Jepun.

Sementara itu, jurulatihnya John van Wisse menyifatkan kejayaan Abdul Malik sebagai sesuatu yang luar biasa.

"Pencapaian itu sesuatu yang hebat dan mengagumkan kerana dilakukan oleh perenang dari sebuah negara bercuaca panas yang berenang di selat yang sejuk dan mencabar," katanya.

"Malaysia sememangnya boleh berbangga dengan pencapaian itu," kata John.

Sementara itu, Abdul Malik berkata beliau akan berehat selama dua bulan sebelum memikirkan aktiviti seterusnya.

"Saya akan teruskan dengan satu lagi benda selepas ini dan kalau boleh mahu PM sendiri umumkananya kelak...itupun sekiranya beliau sudi menjadi penaungnya," kata Abdul Malik.

-- BERNAMA
AHA HK MOZ